

ANALISIS HUKUM IHDĀD MENURUT EMPAT MAZHAB DAN FATWA KONTEMPORARI: IMPLIKASI TERHADAP WANITA BEKERJAYA DI ERA MODEN**A LEGAL ANALYSIS OF IHDAD ACCORDING TO THE FOUR SUNNI SCHOOLS OF LAW AND CONTEMPORARY FATWAS: IMPLICATIONS FOR WORKING MUSLIM WOMEN IN THE MODERN ERA**

Norita Kamaruddin¹, Zanariah Dimon, Norazla Abdul Wahab, Surianom Miskam², Syh Noorul Madihah Syed Husin³ Muhammad Yusri Zulkefli⁴

1 Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Selangor, norita@uis.edu.my

2 Pensyarah, Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Selangor, zanariah@uis.edu.my, my norazla@uis.edu.my, surianom@uis.edu.my

3.Pensyarah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Universiti Sultan Zainal Abidin. madihah@unisza.edu.my

4. Calon Sarjana, Universiti Islam Selangor (UIS), 24mt21001@postgrad.uis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 05 Jul 2025

| Selepas Pembetulan: 21 Sept 2025

| Diterima untuk terbit: 28 Nov 2025

Abstrak

Ihdād merupakan kewajipan syarak ke atas wanita Islam yang kematian suami, sebagaimana dijelaskan dalam Surah al-Baqarah ayat 234. Ia melibatkan larangan berhias, memakai wangi-wangian, keluar rumah tanpa keperluan syarie serta penyertaan dalam aktiviti sosial yang bercanggah dengan suasana berkabung. Walaupun pelaksanaan ihdād telah diperincikan dalam kitab-kitab fiqh klasik, timbul persoalan baharu dalam realiti semasa, khususnya melibatkan wanita bekerjaya yang terikat dengan komitmen profesional dan keperluan ekonomi. Hal ini menimbulkan konflik antara tuntutan hukum dan keperluan hidup moden, sekaligus menuntut penilaian semula terhadap kefahaman dan pelaksanaannya secara kontekstual. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kedudukan hukum ihdād menurut empat mazhab utama Islam iaitu Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali, dari aspek prinsip umum, perincian hukum dan ruang pengecualian. Kajian ini juga meneliti pandangan fatwa semasa daripada institusi utama seperti Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, Dar al-Ifta' al-Misriyyah dan Lajnah Da'imah Arab Saudi berhubung keharusan wanita bekerja dalam tempoh ihdād. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan terhadap kitab fiqh muktabar serta dokumen rasmi fatwa kontemporari. Hasil kajian mendapati terdapat persamaan dalam prinsip asas ihdād antara keempat-empat mazhab, namun perbezaan wujud dalam perincian pelaksanaan dan pengecualian hukum. Fatwa semasa menunjukkan kecenderungan ijtihad yang lebih fleksibel dengan mengambil kira maqasid syariah dan uruf moden. Penemuan ini dapat menjadi asas kepada penggubalan garis panduan rasmi bagi wanita Islam bekerjaya yang berhadapan dengan situasi ihdād, sejajar dengan tuntutan maqasid syariah dan konteks semasa.

Kata kunci

Ihdād, fiqh wanita, empat mazhab, fatwa kontemporari, wanita bekerjaya, maqasid syariah, fiqh al-waqi'

Abstract

Ihdād is a religious obligation imposed upon Muslim women whose husbands have passed away, as stipulated in Surah al-Baqarah (2:234). It encompasses prohibitions against adorning oneself, using fragrances, leaving the home without a legitimate Shari'ah-based necessity, and engaging in social activities that conflict with the state of mourning. Although the regulations governing ihdād have been clearly detailed in classical fiqh literature, new challenges have emerged in contemporary contexts, particularly for working women who are bound by professional commitments and economic responsibilities. This tension creates a conflict between legal requirements and the demands of modern life, necessitating a contextual reassessment of its understanding and implementation. This study aims to analyse the legal status of ihdād according to the four major Sunni schools of law Hanafi, Maliki, Shafi'i, and Hanbali—focusing on their general principles, specific rulings, and permissible exceptions. It also examines contemporary fatwas issued by leading institutions such as the National Fatwa Council of Malaysia, Dar al-Ifta' al-Misriyyah, and the Lajnah Da'imah of Saudi Arabia concerning the permissibility of working during the ihdād period. Employing a qualitative content analysis of authoritative classical fiqh texts and official contemporary fatwa documents, this study identifies shared foundational principles across the four madhāhib, while also highlighting variations in their practical application and legal concessions. Contemporary fatwas demonstrate an inclination toward more flexible ijtiḥād that accounts for the objectives of Shari'ah (maqāṣid al-shari'ah) and modern social customs ('urf). The findings of this study provide an important basis for the development of formal guidelines for Muslim working women undergoing ihdād, ensuring that its implementation aligns with both Shari'ah objectives and contemporary realities.

Keywords

Ihdād, women's fiqh, four schools of law, contemporary fatwa, working women, maqasid al-shariah, fiqh al-waqi'

1. Pengenalan

Ihdād merupakan satu bentuk pengabdian spiritual dan penghormatan terakhir yang diwajibkan ke atas seorang isteri selepas kematian suaminya, sebagaimana ditetapkan dalam Surah al-Baqarah (2:234). Tempoh ihdād selama empat bulan sepuluh hari menetapkan larangan berhias, memakai wangian dan keluar dari rumah kecuali untuk keperluan yang dibenarkan oleh syarak. Dari sudut sejarah, amalan ini berfungsi sebagai simbol penyucian hubungan perkahwinan dan perlindungan maruah wanita yang ditinggalkan (Ibn Qudāmah, 2004). Selain nilai spiritual, ihdād turut memainkan peranan sosial sebagai mekanisme menjaga kestabilan psikologi dan kedudukan wanita dalam masyarakat.

Perubahan sosioekonomi dan budaya masyarakat moden menyaksikan peningkatan signifikan penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2023) menunjukkan bahawa lebih 55% wanita terlibat aktif dalam pasaran buruh, termasuk sebagai ketua isi rumah dan penyumbang utama pendapatan keluarga. Keperluan untuk bekerja serta memenuhi komitmen kerjaya menimbulkan ketegangan dalam pelaksanaan ihdād. Konflik ini semakin ketara apabila hukum

difahami secara tekstual tanpa mengambil kira realiti kehidupan kontemporari. Dalam konteks ini, pelaksanaan *ihdād* berpotensi mencetuskan pertentangan antara tuntutan syarak dan keperluan ekonomi serta sosial wanita moden.

Fokus utama kajian ini adalah meneliti ketegangan antara pendekatan tekstual terhadap hukum *ihdād* dan tuntutan semasa yang dihadapi oleh wanita bekerjaya. Keperluan kepada pendekatan *fiqh* yang lebih praktikal, kontekstual dan berasaskan maqasid syariah semakin mendesak. Maqasid syariah, khususnya pemeliharaan jiwa (*hifz al-nafs*), harta (*hifz al-mal*) dan maruah (*hifz al-'ird*), menyediakan kerangka keseimbangan antara pematuhan hukum dan keperluan realiti hidup semasa. Justeru, penilaian semula terhadap pendekatan hukum secara bersepadu perlu dilaksanakan agar kehormatan syariat dapat dipelihara tanpa mengabaikan keperluan psikososial serta tanggungjawab ekonomi wanita.

Kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan empat mazhab utama Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali berhubung hukum *ihdād* melalui perbincangan prinsip asas, perincian larangan dan ruang pengecualian. Penelitian turut dilakukan terhadap fatwa-fatwa kontemporari daripada institusi seperti Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, Dar al-Ifta' al-Misriyyah dan Lajnah Da'imah Arab Saudi mengenai keharusan wanita bekerja semasa tempoh *ihdād*. Objektif kajian ini ialah pertama mengenal pasti prinsip asas dan larangan utama *ihdād* menurut perspektif mazhab. Kedua menganalisis kelonggaran serta adaptasi hukum yang dibenarkan oleh institusi fatwa semasa dan ketiga merumuskan pendekatan *fiqh* kontemporari berasaskan maqasid syariah bagi pelaksanaan *ihdād* dalam konteks moden.

Sumbangan kajian ini merangkumi dua dimensi utama. Dari sudut akademik, ia memperkukuh wacana *fiqh* wanita dalam perspektif kontemporari serta memperluas perbincangan perbandingan mazhab melalui rujukan pelbagai sumber klasik seperti al-Marghinani, al-Kasani, al-Nawawi dan Ibn Qudāmah. Dari sudut praktikal, kajian ini berpotensi membantu institusi pekerjaan, pembuat dasar dan masyarakat dalam merangka garis panduan *ihdād* yang inklusif dan lestari, demi memastikan wanita Islam dapat menjalani tempoh berkabung tanpa menjejaskan kelangsungan kehidupan dan kerjaya mereka.

2.0 Sorotan Literatur: Perspektif Hukum *Ihdād* dalam Wacana Klasik dan Kontemporari

Sorotan literatur ini menghimpunkan wacana perbincangan mengenai hukum *ihdād* dalam Islam berdasarkan sumber al-Qur'an, hadis, karya *fiqh* klasik daripada empat mazhab utama, serta kajian dan fatwa kontemporari. Fokus diberikan terhadap relevansi hukum *ihdād* dalam kehidupan wanita bekerjaya yang menjadi kelompok penting dalam struktur sosial dan ekonomi moden.

Al-Qur'an dengan jelas menetapkan kewajipan *ihdād* bagi wanita yang kematian suami melalui ayat:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا ۖ فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya: "Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu serta meninggalkan isteri-isteri, hendaklah isteri-isteri itu menahan diri (beriddah) selama empat bulan sepuluh hari." (Surah al-Baqarah, 2:234).

Hadis sahih yang diriwayatkan oleh Ummu 'Atiyyah :

كنا نهى أن نحد على ميت فوق ثلاث، إلا على زوج أربعة أشهر وعشراً، ولا نكتحل، ولا نتطيب، ولا نلبس ثوباً مصبوغاً إلا ثوب عصب، وقد رخص لنا عند الطهر إذا اغتسلت إحدانا من محيضها في نبذة من كست أظفار، وكنا نهى عن اتباع الجنائز."

Maksudnya: "Kami dilarang berkabung atas kematian seseorang lebih dari tiga hari kecuali atas kematian suami, iaitu selama empat bulan sepuluh hari. Kami tidak dibenarkan bercelak, memakai wangian, atau memakai pakaian berwarna (menarik), kecuali pakaian kasar (yang tidak menarik perhatian). Diberi kelonggaran untuk memakai sedikit kasturi apabila wanita itu mandi dari haidnya. Kami juga dilarang mengikuti jenazah." (Sahih al-Bukhari, no. 1280).

Pandangan fuqaha klasik menegaskan bahwa hukum ihdād adalah wajib ke atas balu, khususnya jika perkahwinan telah disempurnakan melalui persetubuhan sah. Dalam Mazhab Ḥanafī, al-Kāsānī menjelaskan bahawa wanita yang sedang berihdād dilarang untuk berhias, namun dibenarkan keluar rumah pada waktu siang sekiranya ada keperluan seperti bekerja untuk menyara diri (al-Kāsānī, 1910). Mazhab Mālikī menerapkan larangan yang lebih ketat terhadap pergerakan keluar rumah dan hanya membenarkan dalam keadaan darurat, seperti yang dijelaskan dalam *al-Mudawwanah al-Kubrā* (Sahnūn, 1940). Dalam Mazhab al-Syafīi melalui karya *al-Umm* dan *al-Majmū'*, wanita dibenarkan keluar pada waktu siang jika terdapat keperluan munasabah seperti bekerja atau membeli barang keperluan, dengan syarat menjaga aurat dan mengekalkan etika syari'ah (al-Nawawī, 1995). Sementara itu, Mazhab Ḥanbalī menurut Ibn Qudāmah dalam *al-Mughnī* menegaskan larangan berhias serta keluar tanpa keperluan, tetapi membenarkan wanita bekerja jika tiada percampuran bebas (ikhtilāṭ) berlaku (Ibn Qudāmah, 2004).

Dalam konteks moden, ramai wanita Islam yang terlibat dalam sektor pekerjaan menghadapi kesukaran mematuhi larangan-larangan tertentu dalam pelaksanaan ihdād, terutamanya larangan keluar rumah sepanjang tempoh empat bulan sepuluh hari. Kajian oleh Normadiah Daud et al. (2023) mendedahkan wujudnya dilema dalam kalangan wanita bekerja. Mereka perlu mengimbangi antara tuntutan kerjaya dan kewajipan mematuhi hukum ihdād. Kekangan ekonomi, komitmen terhadap anak, dan tekanan kerja menjadikan sebahagian daripada mereka sukar mengambil cuti penuh sepanjang tempoh ihdād.

Kajian ini selari dengan penemuan Wahyu Abdul Jafar et al. (2025) yang menegaskan bahawa keperluan untuk menyesuaikan pelaksanaan *ihdād* dalam konteks sosial dan ekonomi semasa adalah semakin mendesak. Wanita masa kini berperanan sebagai penyumbang utama dalam ekonomi isi rumah dan tidak lagi berperanan pasif sebagaimana dalam konteks tradisional. Oleh itu, hukum *ihdād* perlu dilihat melalui pendekatan *ijtihad maqāsidi* agar lebih sesuai dengan realiti semasa, tanpa menjejaskan prinsip asas syariah.

Fatwa-fatwa semasa memberikan gambaran bahawa terdapat ruang fleksibiliti yang diiktiraf oleh ulama semasa. Dar al-Ifta' al-Misriyyah (2021) berpandangan bahawa wanita boleh keluar bekerja jika mempunyai keperluan mendesak, dan keluar rumah tidaklah membatalkan *ihdād* sekiranya syarat seperti tidak berhias dan menjaga akhlak dipenuhi. Fatwa dari Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS, 2020) pula menunjukkan keterbukaan dalam mengharuskan wanita keluar bekerja sepanjang tempoh *ihdād*, dengan syarat menjaga adab dan tidak berhias. Pendekatan ini selaras dengan *ijtihad maqāsidi*, yang menilai hukum berdasarkan maslahat dan konteks semasa.

Walaupun literatur kontemporari menunjukkan peralihan ke arah fleksibiliti hukum, kebanyakan kajian terdahulu masih menumpukan kepada aspek larangan *ihdād* secara tekstual tanpa menilai implikasi praktikal terhadap wanita yang memikul tanggungjawab ekonomi. Kekurangan ini menunjukkan terdapat keperluan untuk menilai pelaksanaan *ihdād* melalui kerangka *fiqh* kontemporari yang lebih kontekstual, holistik dan berpaksikan *maqasid* syariah.

Dalam kerangka *maqasid*, dimensi seperti *hifz al-nafs* (pemeliharaan jiwa), *hifz al-mal* (pemeliharaan harta) dan *hifz al-'ird* (pemeliharaan maruah) menjadi asas penting dalam mempertimbangkan ruang kelonggaran bagi wanita yang perlu bekerja untuk kelangsungan hidup. Pendekatan *maqāsidi* bukan sahaja mengimbangi antara tuntutan nas dan realiti berdasarkan tujuan semasa (Muhamad Zuhaili Saiman, 2024), malah memastikan pelaksanaan *ihdād* terus menepati prinsip keadilan, rahmah dan kemaslahatan.

Secara keseluruhan, sorotan literatur ini menjadi asas penting dalam membina kerangka kajian yang berpaksikan kepada gabungan autoriti klasik dan tuntutan realiti semasa. Pendekatan ini diperlukan agar hukum *ihdād* terus relevan, difahami, dan diamalkan secara bijaksana dalam era moden tanpa mengabaikan prinsip-prinsip syarak.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk analisis teks dan komparatif hukum bagi meneliti pandangan empat mazhab utama berkenaan hukum *ihdād* dan penerapannya dalam konteks wanita bekerjaya masa kini. Reka bentuk ini dipilih memandangkan isu *ihdād* merupakan perbahasan normatif dalam wacana *fiqh*, dan analisis hukum memerlukan pendekatan mendalam terhadap sumber-sumber primer dan tafsiran ulama klasik serta kontemporari (Creswell, 2013).

Sumber utama kajian ini terdiri daripada kitab-kitab turath yang mewakili empat mazhab muktabar dalam Islam. Kitab-kitab tersebut merangkumi: *al-Hidāyah* karya al-

Marghīnānī (1324H/1906M) yang menjadi rujukan penting dalam Mazhab Hanafi; *al-Mudawwanah al-Kubrā* yang dikumpulkan oleh Sahnun daripada Imam Mālik (1323H/1905M) bagi Mazhab Maliki; *al-Umm* oleh al-Shāfi‘ī (n.d.) dan *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab* oleh al-Nawawī (1347H/1929M) bagi Mazhab Shāfi‘ī; serta *al-Mughnī* oleh Ibn Qudāmah (1388H/1968M) dan *Kashshāf al-Qinā‘* oleh al-Buhūtī (1319H/1901M) bagi Mazhab Hanbali. Kitab-kitab ini dianalisis secara tekstual dan komparatif untuk mengenal pasti asas penetapan hukum, ruang kelonggaran, serta perbezaan pandangan berkaitan pelaksanaan ihdād dalam keempat-empat mazhab.

Analisis komparatif dijalankan dengan meneliti persamaan dan perbezaan pandangan fuqaha terhadap larangan, keharusan dan pengecualian dalam pelaksanaan ihdād. Perbandingan dilakukan berdasarkan justifikasi dalil, kaedah istidlal, tujuan hukum, serta implikasinya terhadap konteks semasa wanita bekerjaya. Pendekatan ini membolehkan kajian menilai bagaimana setiap mazhab menafsirkan nas dan mengaplikasikannya mengikut kerangka fiqh masing-masing.

Selain sumber primer, kajian ini turut menggunakan sumber sekunder seperti jurnal akademik, buku kontemporari, laporan penyelidikan, serta fatwa rasmi institusi Islam moden seperti Dar al-Ifta’ al-Misriyyah, Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan MUIS. Triangulasi antara sumber klasik dan kontemporari ini dilaksanakan bagi menilai penerapan hukum ihdād dalam realiti masyarakat moden serta memperkukuh kefahaman terhadap isu wanita bekerja dalam tempoh berkahang.

Data dianalisis melalui kaedah analisis kandungan secara tematik. Pandangan fuqaha dan institusi fatwa dikategorikan mengikut tema utama seperti larangan ihdād, keharusan keluar bekerja, syarat-syarat pengecualian, dan dimensi maqasid syariah. Kaedah ini membolehkan kajian mengenal pasti corak, prinsip dan justifikasi hukum yang konsisten dalam literatur klasik dan kontemporari. Kesahihan dapatan dipastikan melalui perbandingan silang antara pandangan dalam kitab mazhab, semakan terjemahan rujukan primer, serta penilaian semula tafsiran ulama kontemporari. Pendekatan ini meningkatkan kebolehpercayaan analisis dan memastikan dapatan kajian berasaskan bukti teks yang sahih serta pemahaman fiqh yang tepat.

4. Hasil dan Perbincangan

4.1 Konsep dan Hukum Ihdād

Istilah 'ihdād' berasal daripada perkataan Arab *'ḥadda'* yang membawa maksud 'menghindarkan sesuatu'. Dari segi bahasa, ia merujuk kepada tindakan seseorang yang menjauhkan diri daripada perkara yang berkaitan dengan perhiasan, keseronokan atau kecantikan sebagai tanda berkahang. Dari sudut istilah syarak, ihdād didefinisikan sebagai larangan terhadap seorang wanita untuk berhias, memakai wangi-wangian, dan keluar rumah dalam tempoh tertentu selepas kematian suaminya (al-Marghinani, 2000; al-Nawawi, 1995). Ihdād merupakan salah satu cabang hukum dalam fiqh wanita dan diklasifikasikan sebagai kewajipan bagi balu sebagaimana diperincikan oleh ulama empat mazhab.

Dalil utama kewajipan ihdād dinyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 234: "Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu serta meninggalkan isteri-isteri, hendaklah isteri-isteri itu menunggu selama empat bulan sepuluh hari..." (al-Qur'an,

2:234). Ayat ini menjadi sandaran bahawa terdapat satu ketetapan khusus dalam Islam terhadap wanita yang kehilangan suami. Tambahan pula, terdapat hadis Nabi SAW yang menegaskan larangan berhias bagi balu: "Tidak halal bagi wanita yang beriman kepada Allah dan hari akhir untuk berkabung atas kematian seseorang lebih daripada tiga hari, kecuali atas suaminya selama empat bulan sepuluh hari." (Riwayat al-Bukhari, no. 1280; Muslim, no. 938).

Pelaksanaan *ihdād* dilihat sebagai manifestasi *maqāṣid al-shari'ah* yang mencakupi penghormatan terakhir kepada suami yang meninggal dunia, ruang pemulihan emosi dan spiritual bagi wanita, serta perlindungan daripada fitnah dan salah sangka masyarakat (al-Shawkānī, 1994; Ibn Qudāmah, 2004). Dalam konteks ini, prinsip *ḥifẓ al-nafs* menjadi asas kepada pendekatan *ihdād* kerana ia memberi ruang kepada wanita menstabilkan emosi pasca kehilangan. Selain itu, *ihdād* berfungsi menjaga *ḥifẓ al-'ird* (maruah) dan mencegah salah sangka.

Dalam konteks wanita Islam bekerja, keperluan menyeimbangkan antara tuntutan syariat dan tuntutan hidup moden semakin mendesak. Oleh itu, teori *maqāṣid kontemporari* menekankan keperluan merangka pendekatan *ijtihad* yang mempertimbangkan masalah wanita yang memikul tanggungjawab ekonomi dan sosial (Wanto et al., 2021; Kamali, 2021). Prinsip *ḥifẓ al-mal* juga menjadi penting, khususnya bagi wanita yang menjadi penyumbang utama pendapatan keluarga. Justeru, pendekatan *maqāṣidi* dalam konteks *ihdād* bukanlah bertujuan merombak hukum asal, tetapi menafsirkan larangan-larangan tersebut secara lebih empatik selaras dengan *prinsip raf' al-ḥaraj* (mengangkat kesulitan) dan *taḥqīq al-maṣlaḥah* (mencapai maslahat).

4.2 Hukum *Ihdād* Menurut Empat Mazhab

Mazhab Hanafi

Mazhab Hanafi menetapkan bahawa *ihdād* adalah wajib bagi wanita yang kematian suami sekiranya perkahwinan telah sempurna dengan persetubuhan atau *khalwat* sah. Dalam tempoh *iddah* selama empat bulan sepuluh hari, wanita dilarang berhias seperti memakai pakaian yang menarik perhatian, menggunakan wangi-wangian, memakai celak atau inai. Walau bagaimanapun, mereka dibenarkan keluar pada siang hari atas keperluan penting seperti bekerja, berniaga atau mendapatkan nafkah harian. Ini kerana tidak ada nafkah daripada suami yang telah meninggal, maka keperluan sara diri menjadi tanggungjawab sendiri. Prinsip ini dijelaskan oleh al-Marghīnānī (2005) dalam *al-Hidāyah* dan al-Kāsānī (1986) dalam *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, yang menyatakan bahawa larangan keluar malam lebih ketat berbanding siang kerana tidak ada keperluan mendesak.

Mazhab Maliki

Mazhab Maliki mengambil pendekatan yang lebih ketat dalam isu *ihdād*, dengan menetapkan kewajipan ber*ihdād* secara mutlak bagi setiap balu, tanpa mengira sama ada telah berlaku hubungan kelamin atau tidak. Larangan utama termasuk berhias, memakai barang perhiasan, menggunakan minyak wangi, dan keluar dari rumah,

terutama pada waktu malam, kecuali dalam keadaan darurat yang dibenarkan syarak. Keutamaan diberikan kepada penggunaan wakil jika ada keperluan mendesak. Pendekatan ini berpaksikan kehormatan rumah tangga dan usaha mengelakkan fitnah masyarakat. Antara rujukan utama ialah *al-Mudawwanah al-Kubrā* (Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994) dan karya al-Qarāfī (1994) dalam *al-Dhakhīrah*, yang menghuraikan batasan ihdād secara terperinci.

Mazhab Syafii

Mazhab Syafii juga menetapkan kewajipan ihdād bagi wanita yang kematian suami. Larangan utama termasuk memakai pakaian yang mencolok atau menarik perhatian, berhias dengan perhiasan fizikal, serta menggunakan wangi-wangian. Namun, terdapat kelonggaran dari segi keharusan keluar rumah pada siang hari sekiranya terdapat keperluan seperti bekerja, membeli barang keperluan, atau menuntut ilmu, asalkan tidak berlaku ikhtilat dan gangguan. Imam al-Shāfi'ī (n.d.) dalam *al-Umm* dan al-Nawawī (1995) dalam *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab* menjelaskan bahawa wanita boleh keluar untuk tujuan yang dibenarkan syarak tetapi hendaklah kembali sebelum malam.

Mazhab Hanbali

Mazhab Hanbali seiring dengan pendekatan mazhab lain dalam mewajibkan ihdād, dengan penekanan terhadap larangan berhias dan keluar rumah tanpa hajat yang sah. Wanita dilarang menggunakan sebarang bentuk perhiasan, termasuk pakaian yang menarik perhatian, barang kemas, atau wangi-wangian. Namun, mazhab ini turut memberikan kelonggaran kepada wanita untuk keluar pada siang hari bagi urusan keperluan, termasuk bekerja, dengan syarat tiada percampuran bebas (ikhtilāt) dan suasana yang selamat. Ibn Qudāmah (1968) dalam *al-Mughnī* dan al-Buhūtī (1982) dalam *Kashshāf al-Qinā'* menegaskan bahawa kebolehan ini bersandarkan kepada prinsip keperluan dan keadaan semasa wanita yang perlu menyara diri.

Secara komparatif, keempat-empat mazhab bersepakat bahawa ihdād adalah wajib dan menuntut larangan berhias serta keluar rumah tanpa hajat, namun berbeza pada tahap kelonggaran. Mazhab Hanafi dan Hanbali mengambil pendekatan wasatiyyah dengan mempertimbangkan keperluan ekonomi wanita, manakala Mazhab Maliki lebih ketat demi menjaga martabat rumah tangga. Pendekatan Syafii pula seimbang antara keperluan dan adab, menjadikannya paling fleksibel untuk diaplikasikan dalam konteks wanita moden.

4.3 Analisis Larangan dan Kelonggaran dalam Ihdād

Pakaian dan Perhiasan

Dalam keempat-empat mazhab utama, larangan berhias merupakan elemen utama dalam pelaksanaan ihdād. Mazhab Hanafi melarang pemakaian pakaian berwarna terang, perhiasan seperti emas dan perak, serta penggunaan celak dan inai (al-Kasani, 1997). Mazhab Maliki pula lebih ketat dalam mendefinisikan hiasan, termasuk pakaian

berwarna terang walaupun tidak menarik perhatian, dan menekankan kesederhanaan sepenuhnya (al-Dardir, 1995). Mazhab Syafii melarang pemakaian pakaian mencolok mata serta penggunaan celak dan inai, tetapi memberi sedikit kelonggaran jika tidak menarik perhatian (al-Nawawi, 1995). Mazhab Hanbali turut sependapat dalam larangan perhiasan dan menekankan pemakaian yang sederhana serta menjauhi pakaian wanita biasa yang berfungsi sebagai hiasan (Ibn Qudamah, 1997).

Wangian

Semua mazhab bersetuju bahawa penggunaan wangian adalah dilarang ke atas wanita yang sedang dalam tempoh *ihdād*. Mazhab Hanafi dan Maliki melihat penggunaan wangian sebagai bentuk berhias yang jelas, bahkan wangian yang tidak dapat dihidu oleh orang lain juga termasuk dalam larangan (al-Marghinani, 2000; Ibn 'Abd al-Barr, 1995). Mazhab Syafii membenarkan penggunaan bahan mandian yang tidak berbau, tetapi tidak membenarkan sebarang bahan pewangi atau yang mengeluarkan aroma (al-Shafi'i, 2004). Pandangan Hanbali menyatakan larangan mutlak terhadap pewangi pada tubuh, pakaian dan tempat tidur (al-Buhuti, 2002).

Larangan Keluar Rumah

Larangan keluar rumah merupakan isu utama dalam pelaksanaan *ihdād*, dengan pelbagai pendekatan dalam keempat-empat mazhab. Mazhab Maliki terkenal dengan pendekatan paling ketat, melarang wanita keluar walaupun pada siang hari kecuali dalam keadaan darurat (al-Dardir, 1995). Mazhab Hanafi dan Hanbali membenarkan wanita keluar rumah pada siang hari jika ada keperluan, seperti bekerja atau membeli barang harian (al-Kasani, 1997; Ibn Qudamah, 1997). Mazhab Syafii memberi kelonggaran kepada wanita untuk keluar pada siang hari bagi memenuhi keperluan asas dengan syarat menjaga adab dan tidak bercampur bebas (al-Nawawi, 1995).

Kelonggaran: Bekerja, Ziarah dan Urusan Penting

Terdapat perbezaan ketara dalam isu kelonggaran bekerja dan menjalankan urusan penting semasa *ihdād*. Mazhab Syafii dan Hanbali mengambil pendekatan yang lebih fleksibel dengan membenarkan wanita keluar bekerja jika tiada unsur fitnah dan pekerjaan itu adalah keperluan asas (al-Nawawi, 1995; Ibn Qudamah, 1997). Mazhab Hanafi juga membenarkan wanita keluar pada siang hari untuk urusan penting seperti bekerja atau belajar (al-Marghinani, 2000). Namun, Mazhab Maliki cenderung membatasi urusan ziarah dan bekerja, dan lebih menggalakkan agar wanita yang ber*ihdād* berada dalam rumah secara tetap kecuali dalam keadaan dharurah (Ibn 'Abd al-Barr, 1995).

4.4 Fatwa Kontemporari Mengenai *Ihdād* dalam Kalangan Wanita Bekerjaya

Fatwa di Malaysia

Pelaksanaan hukum *ihdād* dalam konteks wanita bekerjaya telah mendapat perhatian dalam pelbagai fatwa negeri di Malaysia. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (2017) menetapkan bahawa wanita yang menjalani tempoh *ihdād* dibenarkan keluar bekerja

sekiranya pekerjaan tersebut merupakan suatu keperluan, tidak melibatkan unsur berhias serta percampuran bebas (ikhtilat). Dalam nada yang serupa, Fatwa Wilayah Persekutuan menekankan bahawa wanita dalam *ihdād* boleh keluar bekerja dengan syarat menjaga adab yang ditetapkan oleh syarak, termasuk tidak berhias, menjaga aurat dan menjauhi persekitaran yang berpotensi menimbulkan fitnah (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2016). Fatwa Negeri Kedah turut menyatakan bahawa larangan keluar rumah dalam *ihdād* bukanlah mutlak, bahkan boleh dikecualikan dalam keadaan darurat atau bagi keperluan asas harian seperti mencari nafkah (Jabatan Mufti Negeri Kedah, 2018).

Fatwa Negara-Negara Islam Lain

Di peringkat antarabangsa, pendekatan fatwa semasa turut menunjukkan keterbukaan terhadap realiti wanita moden. Dar al-Ifta' al-Misriyyah (2019) menyatakan bahawa wanita yang bekerja dan menjadi sumber utama pendapatan keluarga dibolehkan keluar bekerja semasa *ihdād*, selagi adab-adab *ihdād* seperti tidak berhias dan menjaga aurat dipelihara. Majlis Fatwa Jordan juga mengeluarkan pandangan yang serupa, iaitu wanita yang menjalani *ihdād* boleh keluar bekerja jika menjaga adab-adab syariah serta mengelakkan percampuran bebas (Majma' al-Fiqh al-Islami al-Urduni, 2017). Sementara itu, Majlis Fatwa Emiriah Arab Bersatu (UAE Fatwa Council, 2020) membenarkan wanita keluar bekerja, menuntut ilmu atau melakukan urusan penting ketika *ihdād* dengan syarat ketat mematuhi batas syarak.

Setelah dianalisis pandangan mazhab klasik, perbincangan kini beralih kepada pendekatan kontemporari yang berusaha menyesuaikan prinsip *ihdād* dengan perubahan struktur sosial dan ekonomi wanita moden.

Pendekatan Ijtihad Kontemporari terhadap Wanita Bekerja

Ijtihad semasa terhadap pelaksanaan *ihdād* menampilkan pendekatan yang lebih holistik dan kontekstual, berasaskan kepada *maqasid al-shariah*. Ulama kontemporari melihat *ihdād* bukan sekadar larangan fizikal, tetapi sebagai ruang psikospiritual untuk wanita menyesuaikan diri dengan kehilangan suami. Oleh itu, keharusan keluar bekerja dalam tempoh *ihdād* dilihat sebagai memenuhi *maqasid* seperti pemeliharaan jiwa (*ḥifz al-nafs*), maruah (*ḥifz al-'ird*) dan harta (*ḥifz al-māl*), selagi mana prinsip utama *ihdād* tidak dicabuli. Yusuf al-Qaradawi (2009) dan Mohammad Hashim Kamali (2010) adalah antara tokoh yang mendukung pendekatan fiqh yang progresif ini, khususnya dalam menyesuaikan hukum dengan realiti wanita yang menjadi tonggak ekonomi keluarga.

4.5 Implikasi Terhadap Wanita Bekerjaya

Dalam konteks masyarakat moden, pelaksanaan hukum *ihdād* terhadap wanita bekerjaya menghadirkan pelbagai implikasi yang memerlukan penelitian semula secara *maqāsidī*. Dari sudut sosioekonomi, ramai wanita berperanan sebagai penyumbang utama atau tunggal dalam isi rumah. Kewajipan untuk menahan diri di rumah selama empat bulan sepuluh hari boleh memberi kesan kepada kestabilan kewangan, khususnya bagi wanita yang tidak mendapat sokongan kewangan daripada keluarga atau majikan. Kajian oleh Salleh et al. (2020) menegaskan pentingnya pendekatan

maqāṣid al-sharī'ah dalam menilai garis panduan pelaksanaan iddah yang lebih sesuai dengan realiti semasa.

Sementara itu, dari aspek hak wanita bekerja, isu tempoh berkabung yang panjang tanpa kelonggaran yang bersifat syar'i telah menimbulkan ketegangan antara peranan agama dan tanggungjawab profesional. Normadiah Daud et al. (2022) menunjukkan bahawa ketiadaan cuti khas berkabung dalam undang-undang buruh Malaysia mendorong wanita Islam untuk terus bekerja semasa ihdād, meskipun dalam tekanan emosi yang belum pulih. Tambahan pula, tekanan psikososial akibat kehilangan suami, digabung dengan tekanan kerja dan ketiadaan bimbingan spiritual, memperlihatkan keperluan mendesak kepada sistem sokongan yang lebih inklusif (Nur Aziz Muslim et al., 2024).

Dalam perspektif regional, kajian oleh Suparyanto dan Rosad (2020) di Indonesia turut menekankan bahawa wanita bekerjaya menghadapi kesukaran dalam mematuhi larangan keluar rumah sepanjang tempoh ihdād, khususnya jika mereka merupakan tulang belakang keluarga. Penemuan ini menyokong keperluan kepada kerangka ijtihad baharu yang lebih bersifat maqāṣidī dan realistik bagi mendepani cabaran wanita moden yang berperanan ganda sebagai balu dan penyumbang ekonomi utama.

Implikasi ini menuntut penyusunan dasar keagamaan dan sosial yang lebih responsif, termasuk penyediaan cuti ihdād berbayar, bimbingan kaunseling spiritual untuk balu, serta garis panduan majikan Muslim dalam menghormati tuntutan syarak tanpa menjejaskan hak pekerjaan wanita.

5. Cadangan dan Penemuan

Berdasarkan analisis terhadap pandangan empat mazhab serta fatwa-fatwa kontemporari, kajian ini mendapati terdapat ruang kelonggaran dalam pelaksanaan ihdād yang boleh diaplikasikan secara lebih kontekstual, khususnya bagi wanita bekerjaya. Ruang ini muncul hasil penelitian terhadap justifikasi dalil, kaedah istidlal, serta pertimbangan *maslahah* yang digunakan oleh fuqaha klasik dan institusi fatwa moden. Oleh itu, beberapa cadangan dirumuskan agar pelaksanaan hukum ihdād kekal berteraskan syariah tetapi tetap selaras dengan keperluan sosial dan ekonomi wanita masa kini.

Hasil kajian menunjukkan keperluan kepada ijtihad mu'āṣir (ijtihad kontemporari) dalam memahami pelaksanaan hukum ihdād, khususnya dalam kalangan wanita Islam yang terlibat secara aktif dalam sektor pekerjaan. Pendekatan baharu ini perlu dipandu oleh prinsip maqāṣid al-sharī'ah, yang menekankan pemeliharaan terhadap lima perkara utama: agama (*ḥifz al-dīn*), jiwa (*ḥifz al-nafs*), akal (*ḥifz al-'aql*), keturunan (*ḥifz al-nasl*), dan harta (*ḥifz al-māl*) (Kamali, 2008). Dalam realiti kehidupan moden yang menuntut wanita untuk berperanan sebagai pencari nafkah dan pengurus keluarga, pendekatan hukum syarak perlu mengambil kira keseimbangan antara pematuhan terhadap nas dan konteks semasa agar syariat tidak dilihat membebankan dan tidak praktikal.

Salah satu cadangan utama kajian ini ialah pembangunan Model Sokongan Ihdād bagi Wanita Bekerjaya, yang merangkumi lima elemen asas yang saling melengkapi antara satu sama lain. Elemen polisi institusi menuntut penyediaan dasar tempat kerja yang lebih responsif seperti waktu kerja fleksibel, pengurangan beban tugas, serta pengiktirafan cuti ihdād bergaji bagi melindungi kebajikan wanita bekerja. Elemen sokongan emosi pula melibatkan akses kepada kaunseling dan intervensi psikologi bagi membantu balu mengurus tekanan, kesedihan dan gangguan emosi sepanjang tempoh berkabung. Seterusnya, sokongan sosial merangkumi peranan keluarga, komuniti dan rakan sekerja dalam membantu wanita memenuhi keperluan harian serta memberikan jaringan sokongan yang stabil.

Sokongan kewangan turut penting bagi membantu balu yang kehilangan sumber pendapatan utama, termasuk bantuan tunai sementara, skim khairat kecemasan, dana sokongan ihdād serta akses kepada nasihat pengurusan kewangan bagi memastikan kelangsungan hidup mereka tidak terjejas. Akhir sekali, elemen sokongan ilmu pengetahuan memberi penekanan kepada penyediaan bimbingan agama, pemahaman terhadap hikmah ihdād, serta memastikan wanita memiliki kefahaman fiqh ihdād yang jelas dan tidak terkeliru dengan larangan atau batasan yang tidak berasas. Kesemua elemen ini membentuk kerangka menyeluruh yang boleh dijadikan asas kepada penyusunan dasar dan garis panduan pelaksanaan ihdād dalam konteks wanita bekerja. Penjelasan ringkas setiap komponen ini memberi asas operasional yang membolehkan model tersebut diterjemahkan ke dalam bentuk garis panduan, dasar institusi atau modul latihan yang sebenar. Kajian terdahulu turut menyokong keperluan penyelarasan prinsip maqāṣid dalam membina garis panduan yang mesra syariah dan responsif terhadap perubahan sosial (Salleh et al., 2020; Nur Aziz Muslim et al., 2024).

Selain itu, kajian ini mencadangkan agar pihak berautoriti seperti jabatan kerajaan, institusi pendidikan dan majikan swasta menyediakan garis panduan pelaksanaan ihdād yang lebih realistik. Antara cadangan praktikal termasuklah penawaran cuti khas ihdād kepada balu berkerjaya, penyusunan semula waktu kerja secara fleksibel, kemudahan sokongan psikososial, serta program pendidikan agama berstruktur untuk memperkasakan kefahaman dan penghayatan wanita terhadap syariat secara kontekstual. Langkah-langkah ini memberi jaminan kepada kesejahteraan emosi dan produktiviti wanita sambil memastikan prinsip hukum syarak tetap dipelihara. (Suparyanto & Rosad, 2020).

Penemuan utama kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan ihdād dalam konteks moden tidak menuntut perubahan hukum, tetapi penyesuaian dalam bentuk pelaksanaannya. Hal ini membuktikan bahawa fiqh bersifat dinamik, anjal dan mampu menzahirkan solusi yang memelihara maqāṣid tanpa mengabaikan nas. Kajian ini juga membuka ruang baharu dalam wacana fiqh wanita dengan menunjukkan kesesuaian ijihad maqāṣidī sebagai kerangka penyelesaian isu-isu hukum yang melibatkan realiti sosial semasa.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan ihdād perlu difahami sebagai ibadah yang bukan sahaja melambangkan penghormatan terhadap suami yang telah meninggal dunia, tetapi juga sebagai mekanisme sosial yang memelihara kesejahteraan wanita. Dengan pendekatan ijihad maqāṣidī, hukum ihdād dapat dilaksanakan secara seimbang

memelihara prinsip syarak, menegakkan keadilan dan rahmah, serta menghormati cabaran yang dihadapi wanita Islam dalam konteks kehidupan moden.

6. Kesimpulan

Pelaksanaan *ihdād* bagi wanita bekerjaya memerlukan pendekatan fiqh yang kontekstual dan berteraskan *maqāṣid al-sharī'ah*. Kajian ini membuktikan bahawa meskipun hukum *ihdād* adalah wajib, terdapat ruang kelonggaran dalam pelaksanaannya berdasarkan nas, pandangan empat mazhab serta fatwa-fatwa kontemporari. Dapatan ini menunjukkan bahawa fiqh Islam memiliki keanjalan yang membolehkan hukum diaplikasikan secara lebih praktikal tanpa mengabaikan prinsip syarak. Kajian ini turut menyumbang kepada pengayaan wacana fiqh wanita dengan menonjolkan kemampuan hukum Islam untuk merespons perubahan struktur sosial dan ekonomi masyarakat moden.

Pelaksanaan *ihdād* dalam realiti wanita bekerja amat bergantung kepada penyediaan sokongan institusi, kefahaman masyarakat, serta garis panduan kerja yang inklusif. Langkah-langkah ini penting agar wanita dapat menunaikan tanggungjawab agama tanpa menjejaskan peranan profesional dan sosial mereka. Analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa prinsip masalahah, *raf' al-ḥaraj*, serta pemeliharaan jiwa (*hifẓ al-nafs*) dan harta (*hifẓ al-māl*) memberi asas kukuh kepada penyesuaian pelaksanaan *ihdād* dalam kehidupan moden.

Dengan berpaksikan prinsip rahmah dan *ta'āqul al-nuṣūṣ* (pemahaman teks yang bijaksana), pelaksanaan *ihdād* wajar difahami sebagai manifestasi keseimbangan antara tuntutan ibadah dan kesejahteraan hidup. Pendekatan ini memastikan hukum Islam kekal relevan, adil dan memberi ketenangan kepada wanita yang menghadapi ujian kehilangan. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa pelaksanaan *ihdād* dalam kalangan wanita bekerjaya perlu dirangka melalui pendekatan fiqh kontekstual berasaskan *maqāṣid al-sharī'ah*. Walaupun kewajipan *ihdād* kekal sebagai tuntutan syarak, pelaksanaannya harus meraikan realiti sosial dan keperluan ekonomi wanita moden. Pembentukan dasar institusi yang inklusif serta sikap masyarakat yang lebih empatik amat penting bagi memastikan pelaksanaan hukum ini terus memelihara kehormatan agama tanpa menjejaskan peranan profesional dan sosial wanita.

Rujukan

al-Buhūtī, M. ibn Y. (1901). *Kashshāf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'*. Cairo: Maṭba'ah al-Sa'ādah.

al-Kāsānī, 'Alā' al-Dīn. (1986). *Badā'i' al-Ṣanā'i' fi Tartīb al-Sharā'i'* (Vol. 3). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Mālikī, M. ibn A. (1905). *al-Mudawwanah al-Kubrā*. Cairo: Maṭba'ah al-Maḥmūdiyyah.

al-Marghīnānī, B. b. A. (2005). *al-Hidāyah Sharḥ Bidāyat al-Mubtadi'* (Vol. 1). Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.

al-Mudawwanah al-Kubrā. (1994). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Nawawi, Y. (1995). *Raudhah al-Talibin* (Vol. 2). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Nawawī, Y. b. Sharaf. (1995). *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab* (Vol. 5). Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Qarāfī, A. b. I. (1994). *al-Dhakhīrah* (Vol. 3). Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- al-Qur’an al-Karim, Surah al-Baqarah, 2:234.
- al-Shāfi‘ī, M. b. Idrīs. (n.d.). *al-Umm* (Vol. 5). Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- al-Shawkānī, M. A. (1994). *Nā‘il al-Awṭār: Sharḥ Muntaqā al-Akhbār*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Dar al-Ifta’ al-Misriyyah. (2019). *Fatwa no. 3890: Al-khuruḥ li al-‘amal fi muddat al-‘iddah*.
- Ibn Qudāmah, A. al-D. (1968). *al-Mughnī*. Cairo: Maṭba‘ah al-Manār.
- Ibn Qudamah. (2004). *Al-Mughni* (Vol. 8). Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah
- Jabatan Mufti Negeri Kedah. (2018). *Himpunan Fatwa Negeri Kedah 2010–2018*. Alor Setar: Jabatan Mufti Kedah.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2016). *Irsyad al-Fatwa: Keharusan Keluar Rumah Semasa Ihdād Bagi Wanita Bekerja*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Statistik Tenaga Buruh Malaysia, Suku Kedua 2023*.
- Jafar, W. A., Alamsyah, A., Maimun, M., & Zaki, M. (2025). Gender justice in the concept of iddah: A contextual reading of al-Kasani’s thought for working women in Indonesia. *Jurnal Ilmiah Mizani: Wacana Hukum, Ekonomi dan Keagamaan*, 12(2), 15–35.
- Kamali, M. H. (2008). *Maqasid al-Shariah Made Simple*. London: The International Institute of Islamic Thought.
- Kamali, M. H. (2008). *Shari’ah law: An introduction*. Oxford: Oneworld Publications.
- Normadiah Daud etl. (2023). The implementation and challenges of iddah and ihdād due to husband’s death among working women according to the Islamic perspective. *HRMARS Journal*.
- Majma‘ al-Fiqh al-Islami al-Urduni. (2017). *Fatawa Majlis al-Ifta’ al-Urduni*. Amman: Dar al-Ifta’ al-Urduniyyah.
- Muhamad Zuhaili bin Saiman (2024). Keseimbangan Antara Kelestarian Alam Sekitar Dengan Pembangunan Negara Moden Menurut Perspektif Maqasid Al-Shariah. *Jurnal Pengajian Islam*. 17(1). 69-87.
- Nur Aziz Muslim, A., Taeali, A., & Renaldi, F. S. (2024). *Reinterpreting Iddah for Career Women: Najmuddin Tufi’s Maqāsid-Shariah Approach*.

- Salleh, F., Sahari, N. H., Ab Manan, S. K., Abdullah, C. Z., & Yahya, Z. (2020). Maqasid Shariah in the guidelines for iddah of women upon husband's death. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(1), 77–94.
- Suparyanto, Y., & Rosad, R. (2020). Discussing the problems of implementing iddah for career women. *Procedia of International Conference on Education, Society and Humanity*, 1(1), 137–141.
- UAE Fatwa Council. (2020). *Fatwa on Women Working During Mourning Period*. Abu Dhabi: UAE General Authority of Islamic Affairs and Endowments.
- Wanto, D., Hidayat, R., & Others. (2021). Maqāṣid al-sharī'ah's Change as Theory: From Classical to Contemporary Maqāṣid al-Sharī'ah. *Al-Istinbāt: Jurnal Hukum Islam*, 6(2), 427–454. <http://dx.doi.org/10.29240/jhi.v6i2.3122>
- Yusuf al-Qaradawi. (2009). *Fiqh al-Mu'asirah*. Cairo: Dar al-Shuruq.